



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

KHAMIS, 25 APRIL 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

25/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	JKM PERAK BERI KAUNSELING UNTUK KELUARGA MANGSA NAHAS HELIKOPTER	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1083456/jkm-perak-beri-kaunseling-untuk-keluarga-mangsa-nahas-helikopter	HMETRO.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2291189	BERNAMA.COM
	https://bernama.com/en/news.php?id=2291208	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	291 PESERTA BERJAYA TAMAT LATIHAN KEMAHIRAN, KEUSAHAWANAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/661155/berita/nasional/291-peserta-berjaya-tamat-latihan-kemahiran-keusahawanan	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	WARGA EMAS HIDUP 'BERTEMAN' LEBIH 2 TAN SAMPAH	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-hidup-berteman-lebih-2-tan-sampah-467676	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
4	RM1.2 JUTA DIPERUNTUKKAN UNTUK MENGRUS BENGKEL OKU	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1083226/rm12-juta-diperuntukkan-untuk-mengurus-bengkel-oku	HMETRO.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

25/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
5	SUAMI DIDAKWA LAKUKAN AMANG SEKSUAL TERHADAP REMAJA, ISTERI BERSUBAHAT	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1083374/suami-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-remaja-isteri-bersubahat	HMETRO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/04/24/pemilik-rumah-perlindungan-didakwa-amang-seksual-isteri-subahat/	KOSMO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/suami-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-remaja-17-tahun-isteri-bersubahat-467774	ASTROAWANI.COM
	https://selangorkini.my/2024/04/pemilik-rumah-perlindungan-didakwa-amang-seksual-remaja-17-tahun/	SELANGORKINI.MY
	https://www.malaysiakini.com/news/703499	MALAYSIAKINI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
6	LELAKI INDONESIA DITAHAN, LAKUKAN AMANG SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK DALAM LIF	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1083384/lelaki-indonesia-ditahan-lakukan-amang-seksual-terhadap-kanak-kanak-dalam	HMETRO.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/jenayah/lelaki-indonesia-ditahan-lakukan-amang-seksual-terhadap-kanak-kanak-dalam-lif/	BULETINTV3.MY
	https://malaysiagazette.com/2024/04/24/amang-seksual-kanak-kanak-dalam-lif-warga-indonesia-diberkas/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/661215/berita/semasa/buruh-ditahan-amang-seksual-budak-perempuan-dalam-lif#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/04/24/kanak-kanak-perempuan-disentuh-buruh-dalam-lif/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	CURI SELUAR DALAM WANITA, LELAKI DIPENJARA DUA BULAN	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/24/curi-seluar-dalam-wanita-lelaki-dipenjara-dua-bulan	UTUSANBORNEO.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM




www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

25/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
8	INSPEKTOR POLIS DIDAKWA LAKU AMANG SEKSUAL TERHADAP REMAJA DITAHAN	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1238706/inspektor-polis-didakwa-laku-amang-seksual-terhadap-remaja-ditahan	BHARIAN.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/inspektor-polis-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-remaja-ditahan/	BULETINTV3.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1083342/amang-seksual-remaja-inspektor-polis-direman-bantu-siasatan	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/661180/berita/semasa/pegawai-polis-lakukan-amang-seksual-ditahan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/04/24/pegawai-polis-direman-amang-seksual-remaja/	KOSMO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/inspektor-polis-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-remaja-16-tahun-ditahan-467777	ASTROAWANI.COM
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/04/24/dakwaan-amang-seksual-remaja-inspektor-polis-ditahan/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.malaysiakini.com/news/703493	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=K18V6VHUaxM	YOUTUBE
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/04/inspektor-direman-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-remaja-16-tahun/	UTUSAN.COM.MY
	https://thesun.my/cerita/inspektor-polis-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-remaja-16-tahun-ditahan-EH12372574	THESUN.MY
	https://utusan.com.my/2024/04/24/polis-tahan-inspektor-babit-kes-amang-seksual-remaja-berusia-16-tahun/	UTUSANTV.COM
	https://siakapkei.my/2024/04/24/didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-remaja-inspektor-polis-ditahan/	SIKAPKEI.MY



JKM Perak beri kaunseling untuk keluarga mangsa nahas helikopter

Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my



JENAZAH Pegawai Waran II Mohd Shahrizan Mohd Termizi tiba di rumah keluarganya di Taman Bunga Tanjung. FOTO Aswadi Alias

Sitiawan: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Perak menyediakan khidmat kaunseling kepada tiga keluarga mangsa nahas dua helikopter terhempas di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Lumut, semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Perak, Datuk Salbiah Mohamed berkata, tiga keluarga terbabit adalah keluarga mangsa yang berada di negeri ini.

"Dua keluarga iaitu keluarga Pegawai Waran II Noorfahimi Mohd Saedy di Selama dan Pegawai Waran II Mohd Shahrizan Mohd Termizi di Lekir, di sini sudah diberikan kaunseling.

"Manakala pihak JKM juga sudah bertemu keluarga seorang lagi mangsa iaitu Leftenan T Sivasutan petang ini tetapi sesi kaunseling belum diberikan lagi," katanya ketika ditemui selepas melawat keluarga Mohd Shahrizan di sini, hari ini.

Katanya, situasi ini memerlukan sokongan moral yang kukuh untuk keluarga yang kehilangan insan tersayang apatah lagi ia membabitkan nahas seumpama itu.

"Kita turun berjumpa keluarga sebagai pendekatan awal untuk melihat keadaan keluarga selain membuat lawatan susulan. Sesi kaunseling itu juga akan diberikan mengikut keperluan dan keadaan keluarga terbabit.

"Bantuan tabung wang segera kepada tiga keluarga (di Perak) juga sudah diserahkan selain sumbangan daripada kerajaan negeri dan kita juga akan melihat keperluan lain dari masa ke semasa," katanya.

Semalam, negara dikejutkan dengan nahas berkenaan yang berlaku ketika dua helikopter menjalani raptai Perbarisan Hari TLDM ke-90 sempena Hari Terbuka Armada di Pangkalan TLDM Lumut.

Seramai 10 pegawai dan anggota terkorban dalam nahas itu.



TAJUK : DANA RM1.2 JUTA URUS BENGKEL OKU

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 25 APR 2024

M/SURAT : 17

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Dana **RM1.2 juta** urus bengkel OKU

Usaha beri latihan kemahiran golongan keciciran pendidikan

Oleh Baharom Bakar
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Kerajaan negeri memperuntukkan RM1.2 juta untuk perbelanjaan mengurus dan pengoperasian bengkel pemulihan kebajikan Orang Kurang Upaya (OKU) tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita & Keluarga dan Perpaduan Nasional negeri, Maliaman Kassim berkata, bengkel pemulihan kebajikan di Marang itu ditubuhkan bagi

memberi latihan kemahiran dan pemulihan kepada OKU terutama anak golongan berkenaan yang keciciran dalam pendidikan.

Katanya, berdasarkan data diperoleh melalui Sistem Maklumat OKU (SMOKU), ada 34,827 golongan itu berdaftar di seluruh negeri.

"Daerah Kuala Terengganu mencatatkan jumlah pendaftaran OKU tertinggi iaitu 11,002, Besut (5,553), Kemaman

(5,242), Dungun (4,537), Marang (3,693), Hulu Terengganu (2,607) dan Setiu (2,193)," katanya dalam jawapan bertulis menjawab soalan dikemukakan **Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Buluh Gading, Ridzuan Hashim** pada Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Persidangan Dewan Undangan Negeri Ke-15 di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Maliaman yang juga Adun Ajil berkata, masalah pembelajaran

adalah kategori OKU tertinggi didaftarkan iaitu 15,390, fizikal (9,664), penglihatan (2,952), pendengaran (2,556), mental (2,513), pelbagai (1,564) dan pertuturan (187).

Katanya, 47 Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) yang menjalankan program kepada kanak-kanak OKU dengan bilangan 1,178 pelatih diwujudkan di seluruh negeri.

"Kami juga mewujudkan enam pusat jagaan OKU berdaftar dengan Akta Pusat Jagaan (APJ) 1993 dan menempatkan 117 orang," katanya.

**Sebanyak
34,827 golongan
OKU berdaftar
di seluruh Terengganu**



291 peserta berjaya tamat latihan kemahiran, keusahawanan

24 April 2024 03:00pm



Ariffin (tengah), Tengku Noraida (tiga dari kanan) dan Wan Mohd Hasnan (empat dari kiri) bergambar bersama peserta Program Yayasan PETRONAS empower ECER di TTC, Kuala Terengganu, Terengganu pada Selasa.

KUALA TERENGGANU - Yayasan PETRONAS (YP) bersama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) meraikan 291 peserta yang berjaya menamatkan program latihan mereka dalam bidang kemahiran dan keusahawanan.

Diraikan dalam Majlis Apresiasi Program Yayasan PETRONAS empower ECER di Terengganu Trade Centre (TTC), di sini pada Selasa, kesemua peserta dari daerah Besut dan Kuala Terengganu itu turut menerima kit memulakan perniagaan yang akan membantu mereka mengembangkan perniagaan masing-masing ke peringkat lebih tinggi.

Pengerusi Jawatankuasa Keusahawanan, Sumber Manusia, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna Terengganu, Ariffin Deraman berkata, pihaknya beliau menyambut baik usaha YP dan ECERDC menganjurkan program berkenaan yang mampu meningkatkan kapasiti para usahawan dan penduduk tempatan mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih baik.


"Sesungguhnya kerajaan Terengganu menyokong segala usaha baik yang direncanakan oleh pihak YP dan ECERDC membantu usahawan-usahawan di Terengganu dengan pelbagai inisiatif dan program seperti ini.

"Justeru, adalah diharapkan program ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang," katanya ketika berucap merasmikan majlis apresiasi itu yang turut dihadiri Pengurus Besar, Bahagian Pembangunan Modal Insan, ECERDC, Datuk Wan Mohd Hasnan Abdullah dan Ketua Operasi YP, Tengku Aida Tengku Mahmood,

Pada masa sama, majlis itu turut menyaksikan seramai 10 wakil peserta dari daerah Besut dan Kuala Terengganu menerima sijil tamat latihan program Upskilling Employment yang mana sebilangan besar daripada mereka berjaya mendapatkan penempatan pekerjaan dengan gaji minimum RM1,800.

Turut disaksikan ialah penyerahan sijil kolaborasi kepada sembilan rakan strategik Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan Daerah Kuala Terengganu iaitu Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Terengganu, Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) serta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Sementara itu, Tengku Noraida memberitahu, pelaksanaan Program Yayasan PETRONAS empower ECER dengan penglibatan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) selaku rakan pelaksana, semua pihak dapat memainkan peranan memastikan kelestarian impak program seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat di wilayah Pantai Timur.



TAJUK : COUNCIL ENGAGES SCHOOLGIRLS IN SAMARAHAN IN WOMEN-EMPOWERMENT PROGRAMME

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 25 APR 2024

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Council engages schoolgirls in Samarahan in women-empowerment programme

KOTASAMARAHAN: Schoolgirls from SMK Kota Samarahan and SMK Muara Tuang took part in the 'Cergas Ceria Bersamamu Wanita 2024' programme, hosted by the Kota Samarahan Municipal Council (MPKS).

The recent event, held at the Salvation Army Community Complex yesterday, kicked off with the 'aerobathon' session.

Informative talks were held thereafter, with one on 'Gender Equality' presented by MPKS councillor Dr Florince Christy, and 'Sexual Harassment and Early Teenage Pregnancy' by the Ministry of Women, Family and Community Development's Social Development Council executive secretary Dr Zufar Yadi Brendan Abdullah.

The session after that was on environmental sustainability and health awareness, aimed at providing the participants the knowledge about health issues, healthy lifestyle practices, as well as ways to create a culture of well-being.

In her opening remarks, Christy expressed her gratitude for the commitment shown by the participants in supporting and empowering women's agenda.

"I would like to thank the



Schoolgirls from SMK Muara Tuang and SMK Kota Samarahan seen during one of the talk sessions.

Samarahan Division Health Office's team for providing free health checks and exhibitions through the 'Wheels of Wellness' truck, and also for conducting the aerobathon competition.

"All of these are important steps to promote women's health, peace, and fitness," said Christy.

MPKS deputy chairman Muttalib Julaihi, in echoing Christy's sentiments on the importance of women empowerment, shared his concern on issues facing the youths today.

"I was informed that sensitive topics such as gender equality, sexual abuse, and teenage

pregnancy are some of the pressing issues that need to be addressed among today's teenagers," said Muttalib.

Quoting the ministry's selection of the theme for this year's Women International Day celebration, he deemed it as being 'appropriately timely' towards fostering an inclusive culture and gender equality at all levels.

"Women's contributions are essential to catalyse nation's excellence," said Muttalib.

Also present at the event were MPKS secretary Gustian Durani and Asajaya District officer Rais Ahmad.



TAJUK : MACAM TAPAK LUPUS SAMPAH

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 25 APR 2024

M/SURAT : 16

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



SWM Environment melakukan kerja pembersihan di kediaman seorang warga emas di Permas Jaya, Johor Bahru.

Oleh Mary Victoria
Dass
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Sekali pandang tidak ubah seperti tapak pelupusan sampah.

Itu keadaan sebuah rumah dihuni seorang lelaki warga emas di Permas Jaya, di sini, yang dipenuhi dua tan sampah termasuk sisa makanan, timbunan plastik, kotak dan tin.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Bandar Baru Permas Jaya A, Habib Syed Sallilah Aasad berkata, sudah menjadi tabiat warga emas itu mengutip dan mengumpul sampah di dalam dan pekarangan rumahnya.

Menurutnya, semua sampah itu bukanlah untuk dijual sebagai barangan kitar semula

"Lebih mengecewakan perbuatannya itu menjejaskan keselesaan jiran berhampiran yang terpaksa sentiasa menutup pintu dan tingkap kerana tidak tahan dengan bau busuk dan nyamuk.

"Malah jiran berhampiran mengadu, bau busuk dari rumah warga emas itu

Macam tapak lupus sampah

Rumah warga emas dipenuhi dua tan sampah



LONGGOKAN sampah di hadapan rumah warga emas di Permas Jaya, Johor Bahru.

boleh dihidu dari jarak 200 meter.

"Apa yang menjadi masalah, lelaki itu bersikap keras kepala ketika kediamannya mahu dibersihkan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) mahupun SWCorp.

"Malah apabila ditegur jiran, lelaki itu juga naik an-

gin hingga dikhuatiri boleh mencetuskan ketegangan," katanya.

Menurutnya, saya cuba memujuk lelaki itu untuk menjual barangan dikumpul terutama kotak dan menyatakannya kesediaan membantunya.


"Namun selepas diberikan tempoh dan ruang un-

tuk membersihkan rumahnya, lelaki itu masih gagal memberi kerjasama sebelum SWM Environment menjalankan kerja pembersihan," katanya.

Habib berkata, menerusi tindakan dilakukan pada 18 April lalu, seramai lima pekerja SWM Environment mengutip 2.2 tan sampah dari kediaman lelaki itu menggunakan jentolak dan sebuah lori roll-on roll-off (Roro) 16 tan.

Menurutnya, penduduk berterima kasih kepada pihak berkuasa tempatan (PBT), SWCorp mahupun SWM atas usaha membersihkan kediaman warga emas itu.

"Kami mengenal pasti beberapa lagi rumah di kawasan ini yang turut dijadikan tempat pengumpulan sampah," katanya.



Warga emas hidup 'berteman' lebih 2 tan sampah

Sinar Harian
24/04/2024 11:10 MYT



SWM Environment melakukan kerja-kerja pembersihan di rumah warga emas di Permas Jaya, Johor Bahru. - Gambar SINAR HARIAN

JOHOR BAHRU: Seorang warga emas di Permas Jaya di sini tinggal dalam keadaan rumahnya menjadi 'gudang' sampah sarap sehingga menyebabkan gangguan dan ketidakselesaan kepada kejiranan mereka.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Bandar Baru Permas Jaya, A Habib Syed Salillah Asaad berkata, rumah lelaki warga emas tersebut seakan tempat pelupusan sampah yang dipenuhi dua tan bahan buangan termasuk sisa makanan, timbunan plastik, kotak dan tin.



Keadaan timbunan sampah di pekarangan dan dalam rumah milik seorang lelaki warga emas di Permas Jaya, Johor Bahru, menimbulkan ketidakselesaan kepada penduduk setempat.

Menurutnya, sudah menjadi tabiat lelaki ini yang hidup sebatang kara mengumpul sampah di dalam dan luar rumahnya tetapi bukan untuk dijual.

"Perbuatannya menjejaskan keselesaan jiran kerana terpaksa sentiasa menutup pintu dan tingkap tidak tahan bau busuk dan nyamuk yang banyak.

"Malah jirannya juga mengadu boleh menghidu bau busuk pada jarak kira-kira 200 meter sehingga menjejaskan sambutan perayaan.

"Apabila ditegur jiran, lelaki itu naik angin yang dibimbangi boleh menyebabkan gaduh selain dia menyatakan sanggup bayar kompaun pihak berkuasa," katanya ketika dihubungi pada Rabu.


Beliau berkata, sebelum ini pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) menawarkan bantuan untuk melakukan kerja-kerja pembersihan tetapi lelaki itu menolaknya dengan alasan mahu membersihkan rumahnya sendiri.

Menurut A Habib, selepas itu pihaknya memberikan tempoh untuk berbuat demikian namun masih gagal memberi kerjasama sebelum SWM Environment menjalankan kerja-kerja pembersihan.

Susulan itu katanya, SWM Environment melakukan satu operasi pada Khamis melibatkan lima pekerja menggunakan jentolak dan sebuah lori roll-on roll-off (RORO) 16 tan membersihkan 2,200 kilogram sisa atau 2.2 tan dari kediaman itu.

"Kami mengenal pasti beberapa lagi rumah di kawasan ini yang turut dijadikan tempat pengumpulan sampah.

"Diharap pemilik rumah segera mengambil langkah bagi membersihkannya," katanya. - Sinar Harian



TAJUK : CURI SELUAR DALAM WANITA, LELAKI DIPENJARA DUA BULAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 25 APR 2024

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Curi seluar dalam wanita, lelaki dipenjara dua bulan

SIBU: Gara-gara mencuri dua helai seluar dalam wanita dari kawasan perumahan di Sibu Jaya, seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara dua bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Gani Pau, 37, yang mengaku bersalah terhadap pertuduhan itu turut diperintahkan oleh Majistret Romario Jonoi untuk menjalani hukuman penjara itu bermula dari tarikh dia ditahan iaitu 19 April lepas.

Mengikut pertuduhan, Gani dituduh mencuri dua helai seluar dalam wanita dari sebuah kediaman di Town Villa Sibu

Jaya pada 18 April 2024, kira-kira jam 12.59 tengah malam.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 379 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit dengan kesalahan.


Berdasarkan fakta kes, pada 18 April 2024 kira-kira jam 10 pagi, pengadu wanita yang berusia 50 tahun mendapati seluar dalam miliknya serta ahli keluarganya yang dijemur pada penyangkut baju telah hilang dipercayai dicuri.

Setelah meneliti raka-

man kamera litar tertutup (CCTV) yang dipasang di rumah mereka, pengadu mendapati kejadian berlaku pada 18 April 2024, kira-kira jam 12.59 tengah malam.

Pengadu kemudian membuat laporan polis dan pada keesokan harinya dan kira-kira jam 1 petang, pihak polis telah menahan tertuduh dari kawasan perumahan yang sama.

Pihak polis turut merampas dua helai seluar dalam wanita berwarna jingga dan merah jambu, selain pakaian yang digunakan tertuduh ketika melakukan jenayah tersebut sebagai bahan bukti.



TAJUK :	MAN JAILED TWO MONTHS FOR STEALING UNDERWEAR		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	25 APR 2024	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Man jailed two months for stealing underwear

SIBU: A 37-year-old man was sentenced to two months' imprisonment by the Magistrates' Court here yesterday after he pleaded guilty to stealing underwear.


Magistrate Onn Kork Chern, who meted out the sentence against Gani Pau, ordered him to serve the prison sentence from the date of arrest on April 19, this year.

Gani was charged under Section 379 of the Penal Code, which provides for a jail term for up to seven years or a fine, or both, upon conviction.

Based on the fact of case, a 50-year-old woman found her and her family members' underwear that were hung on the hangers at her house missing on April 18 this year. Upon checking the closed-circuit television (CCTV) footage, she found that a man had stolen the underwear.

She then lodged a police report and Gani was arrested at around 1pm in Sibujaya the next day.

ASP Siti Mariyah Dahari prosecuted the case, while the Gani was unrepresented by legal counsel.



Curi seluar dalam wanita, lelaki dipenjara dua bulan

© 2024-04-24T14:06:59+08:00



SIBU: Gara-gara mencuri dua helai seluar dalam wanita dari kawasan perumahan di Sibu Jaya, seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara dua bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, hari ini.

Gani Pau, 37, yang mengaku bersalah terhadap pertuduhan itu turut diperintahkan oleh Majistret Romario Jonoi untuk menjalani hukuman penjara itu bermula dari tarikh dia ditahan iaitu 19 April lepas.

Mengikut pertuduhan, Gani dituduh mencuri dua helai seluar dalam wanita dari sebuah kediaman di Town Villa Sibu Jaya pada 18 April 2024, kira-kira jam 12.59 tengah malam.


Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 379 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit dengan kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, pada 18 April 2024 kira-kira jam 10 pagi, pengadu wanita yang berusia 50 tahun mendapati seluar dalam miliknya serta ahli keluarganya yang dijemur pada penyangkut baju telah hilang dipercayai dicuri.

Setelah meneliti rakaman kamera litar tertutup (CCTV) yang dipasang di rumah mereka, pengadu mendapati kejadian berlaku pada 18 April 2024, kira-kira jam 12.59 tengah malam.

Pengadu kemudian membuat laporan polis dan pada keesokan harinya dan kira-kira jam 1 petang, pihak polis telah menahan tertuduh dari kawasan perumahan yang sama.

Pihak polis turut merampas dua helai seluar dalam wanita berwarna jingga dan merah jambu, selain pakaian yang digunakan tertuduh ketika melakukan jenayah tersebut sebagai bahan bukti.



Suami didakwa lakukan amang seksual terhadap remaja, isteri bersubahat

Aizat Sharif
am@hmetro.com.my



PASANGAN suami isteri yang juga penjaga sebuah rumah kebajikan di Perlis sedang menunggu giliran kes mereka dipanggil di Mahkamah Sesyen Kangar. FOTO Aizat Sharif

Kangar: Pasangan suami isteri yang juga pengendali sebuah rumah kebajikan kanak-kanak di Perlis mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini, atas dua pertuduhan melakukan amang seksual terhadap seorang remaja perempuan di sebuah rumah di Arau pada 2021.

Tertuduh lelaki yang berusia 55 manakala isterinya yang berusia 53 tahun serta kedua-duanya berasal dari Kangar hanya mengangguk faham dan minta dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Musyiri Peet.

Berdasarkan pertuduhan pertama, tertuduh lelaki sebagai seorang penjaga dengan sengaja melakukan amang seksual fizikal terhadap remaja perempuan berusia 17 tahun di sebuah rumah di Jejawi, Arau pada 21 September 2021.

Manakala bagi pertuduhan kedua pula, isteri tertuduh didapati bersubahat dengan suaminya melakukan perbuatan yang membabitkan kontak fizikal tanpa persetujuan dengan remaja perempuan sama seperti pertuduhan pertama di lokasi dan tarikh yang sama.

Bagi pertuduhan pertama itu, tertuduh didapati melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan dibaca bersama Seksyen 16 akta sama yang boleh di penjara tidak lebih 20 tahun serta sebatan.

Selain itu, bagi pertuduhan kedua pula, isteri tertuduh didapati melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14(d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan Seksyen 16 akta sama yang mana jika sabit kesalahan wanita itu boleh dipenjarakan tidak lebih daripada 20 tahun serta sebatan.

Seksyen 16 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 pula memperuntukkan tertuduh boleh dipenjarakan tidak lebih lima tahun dan sebatan tidak kurang daripada dua sebatan.

Pendakwaan dilaksanakan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Alia Suzila Chek Pi manakala tertuduh diwakili peguam Pyara Singh.

Pyara dalam rayuannya memohon mahkamah memberikan pertimbangan jaminan kepada kedua-dua tertuduh disebabkan mereka sebelum ini menyediakan perlindungan untuk menjaga kanak-kanak yang tiada tempat tinggal di Perlis.

Selain itu, pasangan suami isteri itu juga menanggung lima anak.


Musyiri kemudian memerintahkan kedua-dua tertuduh membayar wang jaminan sebanyak RM10,000 setiap seorang serta melapor diri di balai polis berdekatan.

Tertuduh juga tidak dibenarkan menghampiri mana-mana saksi yang mempunyai kaitan dalam kes berkenaan.

Mahkamah menetapkan 13 Jun hadapan sebagai tarikh sebutan semula kes.

Sebelum ini, sepasang suami isteri yang juga pengendali sebuah rumah kebajikan kanak-kanak ditahan polis bagi membantu siasatan kes amang seksual membabitkan seorang daripada penghuni rumah berkenaan.

Kejadian menyebabkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Perlis mengarahkan penutupan rumah kebajikan itu manakala penghuninya yang terdiri daripada kanak-kanak dan remaja pula ditempatkan di kemudahan perlindungan milik kerajaan di Perlis.



Lelaki Indonesia ditahan, lakukan amang seksual terhadap kanak-kanak dalam lif

Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my



FOTO HIASAN

Ampang Jaya: Polis menahan lelaki warga asing kerana melakukan amang seksual terhadap kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun semalam.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail berkata, kejadian berlaku jam 9 malam kelmarin ketika mangsa berada di dalam lif sebuah apartmen di Jalan Pandan Perdana, di sini, untuk ke kedai runcit.


Beliau berkata, suspek berusia 32 tahun bertanya kepada mangsa nama dan nombor telefon namun tidak diendahkan.

"Tangkapan dilakukan terhadap suspek yang bekerja sebagai buruh.

"Hasil ujian air kencing didapati negatif dadah dan tiada rekod lampau," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, permohonan reman ke atas suspek dibenarkan selama tujuh hari bermula hari ini hingga 30 April ini.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 merujuk kepada amang seksual terhadap kanak-kanak," katanya.



Inspektor polis didakwa laku amang seksual terhadap remaja ditahan

Oleh Mary Victoria Dass - April 24, 2024 @ 5:11pm
bhnews@bh.com.my



Foto hiasan

JOHOR BAHRU: Seorang pegawai polis berpangkat inspektor ditahan bagi membantu siasatan terhadap dakwaan melakukan amang seksual terhadap seorang remaja perempuan berusia 16 tahun.

Ketua Polis Johor, Komisioner M Kumar, berkata pihaknya menerima laporan dan sedang menjalankan siasatan berkaitan dakwaan terhadap pegawai kanan polis itu.

Beliau berkata, suspek yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pontian didakwa melakukan perbuatan itu jam 6 petang di kawasan Johor Jaya di sini, kelmarin.

"Remaja perempuan itu membuat laporan polis jam 9.21 malam kelmarin, sebelum suspek berusia 29 tahun di tahan di kawasan Bandar Seri Alam untuk tindakan lanjut pada jam 11 malam hari yang sama.

"Polis turut merampas telefon bimbit berserta kad sim yang dipercayai mempunyai kaitan dengan kes itu.

"Permohonan reman terhadap suspek dibenarkan bagi tempoh enam hari mulai semalam hingga 28 April. Kes disiasat mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, dan jika disabit hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun dan boleh dihukum dengan hukuman sebatan," katanya menerusi kenyataan hari ini.